

Headline	TNB, LADA kerjasama kurangkan emisi karbon		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Bisnes	Page No	31
ArticleSize	208 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,230		



## TNB, LADA kerjasama kurangkan emisi karbon



Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan (empat, kanan) bergambar bersama selepas menyaksikan penyerahan replika surat niat oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kepada TNB.

**SHAH ALAM** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat solusi tenaga hijaunya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) akan menjalin kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bagi mengurangkan emisi karbon mereka menerusi pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, TNB sedia menyumbang kepakaran dalam bidang te-

naga solar menerusi GSPARX bagi membantu LADA mencapai objektif mereka bagi mengurangkan emisi karbon dan menjana tenaga hijau.

Dalam satu kenyataan, kerjasama strategik dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), LADA menyatakan hasrat tersebut melalui penyerahan surat niat (Letter of Intent) dalam satu majlis yang diadakan di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung pada Ahad.

“GSPARX dijangka memasang sistem solar PV berkapasiti 363kWp di Kompleks

Dermaga Tanjung Lembung.

“Bergantung kepada perjanjian, potensi penjimatan bil elektrik LPSB selepas pemasangan adalah antara RM87,000 hingga RM244,000 bagi tahun pertama dan antara RM5 juta hingga RM7.4 juta bagi tempoh 25 tahun,” katanya.

TNB sebagai syarikat utiliti elektrik negara menyokong usaha kerajaan meletakkan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050 iaitu mengurangkan kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.